

20/10/2003

Tesco terima anugerah Syarikat Terbaik

TESCO Store (M) Sdn Bhd (Tesco), pasar raya borong terkemuka menerima anugerah Syarikat Terbaik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Dewan Perniagaan British Malaysia (BMCC).

Anugerah itu disampaikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman pada majlis penutup Program Pengurusan JPA-BMCC ke-15, di Putrajaya, baru-baru ini.

Tesco, dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur berkata, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Cleghorn turut hadir pada majlis itu.

Program pengurusan yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak 1983 itu, bertujuan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran peserta dalam operasi pengurusan perniagaan yang dinamik.

Aktiviti itu memberi peluang kepada pegawai kanan kerajaan mendapatkan pengetahuan mengenai pengurusan perniagaan selaras konsep penswastaan yang diperkenalkan kerajaan sebelum ini.

Ia sekali gus membentuk hubungan akrab dan kerjasama erat di antara kakitangan awam dengan pihak swasta.

Sejak program itu diperkenalkan 20 tahun lalu, seramai 200 kakitangan kerajaan berpeluang mengikuti program berkenaan.

Tahun ini, Tesco adalah syarikat pertama yang mengikuti program ini.

Antara syarikat yang berpangkalan di Britain yang menjayakan program ini ialah BP Chemical, Standard Chartered Bank, British American Tobacco, ICI Malaysia dan Unilever Malaysia.

Ketua Bahagian Perhubungan Korporat Tesco, Azlam Shah Alias, berkata tahun ini, Tesco secara rasmi melatih 15 kakitangan kerajaan yang terpilih selama lima bulan.

Beliau berkata, selain mendapat latihan secara rasmi di Tesco, peserta perlu menjalani latihan pengurusan perniagaan di Institut Tadbir Awam Negara (Intan) selama seminggu.

"Dua pegawai kerajaan juga dipinjamkan ke Tesco bagi membolehkan mereka menjalani latihan mengenai operasi dan pengurusan sumber manusia serta bahagian perhubungan korporat.

"Selain latihan, pegawai berkenaan disediakan dengan pengetahuan untuk menyediakan kertas dengan bantuan tenaga profesional Tesco," katanya.

Selepas menjalani latihan dalam negara, Azlam Shah berkata, peserta berkenaan dihantar ke Britain selama dua minggu menjalani latihan secara intensif untuk memperkukuhkan pengetahuan serta pengalaman.

Beliau berkata, usaha itu memberi pendedahan kepada peserta mengenai persekitaran dan tradisi bekerja oleh kakitangan syarikat yang mengambil bahagian di Britain.

"Ia memberi peluang peserta melihat sendiri kaedah pentadbiran syarikat serta amalan kerja masyarakat serta pengurusan sumber tenaga manusia di sana.

"Peserta sekali gus dapat melihat dengan lebih dekat operasi pihak pengurusan swasta pada peringkat pengurusan antarabangsa," katanya.